TERNAFIN CREAM

Terbinafine Hydrochloride (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ternafin Cream
2. Bagaimana Ternafin Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ternafin Cream
4. Cara menggunakan Ternafin Cream
5. Semasa menggunakan Ternafin Cream
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ternafin Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Ternafin Cream

Ternafin Cream digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan kulat kulit pada kuku, pangkal paha, kaki dan badan.

Bagaimana Ternafin Cream berfungsi

Ternafin Cream ialah anti-kulat, dan membunuh kulat yang menjangkiti kulit.

Sebelum menggunakan Ternafin Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan Ternafin Cream*

Jangan menggunakan Ternafin Cream jika anda alah (hipersensitif) kepada terbinafine hydrochloride atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (seperti tersenarai dalam Maklumat Lanjut).

-*Sebelum mula menggunakan Ternafin Cream*

Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Ternafin cream tidak boleh digunakan semasa mengandung kecuali betul-betul diperlukan. Terbinafine boleh meresap ke dalam susu ibu oleh itu,penggunaannya pada ibu yang menyusukan bayi tidak disyorkan. Jangan biarkan bayi bersentuhan dengan kawasan yang dirawat.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan atau baru-baru ini menggunakan atau mungkin menggunakan ubat lain.
Jangan sapu ubat lain pada bahagian kulit yang sedang dirawat.

Cara menggunakan Ternafin Cream

Untuk kegunaan luar sahaja

- *Berapa banyak yang perlu digunakan*

Bersihkan dan keringkan kawasan yang dijangkiti.
Sapu Ternafin Cream dengan nipis pada kulit yang dijangkiti dan kawasan sekitarnya. Sekiranya jangkitan kulat berada di kawasan kulit yang bersentuhan seperti di bawah kawasan payudara, antara jari, di bahagian lipatan badan, bahagian yang dijangkiti boleh ditutup dengan pembalut kasa terutamanya pada waktu malam.

- *Bila perlu digunakan*

Sapukan krim sekali atau dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Sapukan selama satu hingga dua minggu bergantung pada jenis jangkitan. Rujuk doktor jika tidak bertambah baik selepas 2 minggu.

Gejala biasanya bertambah baik dalam beberapa hari, tetapi rawatan mesti digunakan dengan tetap dan untuk tempoh masa yang mencukupi.

- *Jika terlupa menggunakan Ternafin Cream*

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau dapatkan rawatan perubatan jika anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Jika anda secara tidak sengaja menelan sejumlah besar ubat ini, gangguan gastrousus seperti loya dan muntah adalah dijangkakan.

Semasa menggunakan Ternafin Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Cuba gunakan krim seperti yang diarahkan dan jaga kebersihan badan. Ini adalah penting untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan mengelakkan jangkitan daripada kembali.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakannya di dalam mulut atau telan ubat.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Elakkan daripada terkena krim pada mata anda. Jika terkena, bilas dengan air yang sedang mengalir. Jika sebarang ketidakselesaan berterusan, jumpa dengan doktor anda.

Kesan-kesan Sampingan

Kemerahan, kegatalan atau rasa pedih mungkin berlaku tetapi jarang.
Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web http://npra.gov.my(*Consumer→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Penyimpanan dan pelupusan Ternafin Cream

-Penyimpanan

Simpan di tempat kering yang dingin di bawah suhu 30°C.
Lindungi daripada cahaya dan pembekuan.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa and warna produk

Krim berwarna putih hingga putih pudar.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Terbinafine hydrochloride.

- Bahan tidak aktif

Cetostearyl alcohol, Poloxyl 40 stearate,

TERNAFIN CREAM

Terbinafine Hydrochloride (1% w/w)

White soft paraffin, methylparaben,
Propylparaben, Sodium hydroxide,
Propylene glycol dan Purified water.

-Nombor MAL
MAL20040748X

Pengilang
Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk
Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP
20/08/2024

Nombor Siri
NPRA(R4/1)070224/00017